



5TIPS- Bagaimana PROTON capai Level 5 SOHELP?

=====

Ingin saya kongsi isi pembentangan bersama industri yang terlibat dalam projek SOHELP untuk batch ke-3 pada 17 Apr 2018 yang lalu.

.
Alhamdulillah PROTON Shah Alam menjadi syarikat pertama di Selangor yang selesai melengkapkan Level 5 untuk batch ke-2.

.
Ianya bukan mudah namun bukan mustahil untuk dilaksanakan. Saya sentiasa dorong team saya dengan mengatakan "kita boleh buat dan kita akan laksanakan bersama".

.
5tips yang sempat saya kongsi kepada semua industri.

Management Commitment

- =====
- 1)Balik dari taklimat SOHELP terus maklumkan kepada pihak pengurusan tertinggi anda berkenaan projek SOHELP ini
 - 2)Terangkan objektif dan faedah yang syarikat akan dapat sekiranya menyertai program ini
 - 3)Atur sesi taklimat dengan pihak pengurusan-jemput pegawai DOSH hadir jika anda tidak yakin untuk meyakinkan pihak pengurusan tentang SOHELP
 - 4)Bincang tentang tempoh pelaksanaan SOHELP dan bantuan yang team anda perlukan

KPIs

- =====
- 1)Jadikan SOHELP sebagai salah satu KPI Jabaran yang perlu dicapai dalam tempoh setahun. Dapatkan buy-in daripada pihak pengurusan
 - 2)Jadikan juga SOHELP sebagai KPI individu setiap ahli /PIC yang terlibat agar mereka lebih bersemangat untuk melaksanakannya. Bukan sekadar CEP semata-mata
 - 3)KPI ini akan disemak setiap bulan untuk mengetahui prestasi terkini pelaksanaan SOHELP

Communication

- =====
- 1)Komunikasi dan latihan SOHELP perlu diterangkan kepada semua PIC yang terlibat. PIC kena faham semua requirement dan checklist terlebih dahulu.
 - 2)Semua pekerja perlu dimaklumkan tentang projek SOHELP agar mereka peka tentang 3 hazard utama iaitu noise, chemical dan ergonomik.
 - 3)Latihan berterusan berkenaan SOHELP dilaksanakan untuk pekerja
 - Hearing conservation
 - Chemical management
 - Ergonomic
 - 4)Pamphlet,informasi, aktiviti SOHELP dilakukan secara berterusan

Teamwork

- =====
- 1) Kick Off meeting dan surat lantikan untuk PIC SOHELP perlu diadakan
 - 2)Bentuk Committee dan mesyuarat SOHELP dipantau 2 minggu sekali. Saya sentiasa follow up

team saya agar SOHELP ini berjalan tanpa henti

3) Self assessment dilaksanakan secara bulanan dan minta khidmat nasihat DOSH sekiranya ada checklist yang anda kurang faham

4) Buat kerja pelaksanaan secara berkumpulan dan hubungan erat dengan operation dan engineering team adalah sangat penting. Minta bantuan dan buah pandangan mereka

5) Lantik/ambil intern atau praktikal student untuk bantu team melaksanakan projek SOHELP ini



Monitoring & measurement

1) Committee SOHELP perlu buat meeting secara consistent dan update prestasi SOHELP dari masa ke semasa melalui Gannt Chart yang dibentuk

2) Elakkan tunda tarikh yang diberikan oleh pihak DOSH untuk assessments. Inilah peluang untuk anda memperbetulkan apa yang tidak betul.

3) Bina connection dengan pegawai DOSH yang terlibat dengan projek ini. Dapatkan khidmat nasihat mereka untuk setiap elemen yang anda kurang pasti

4) Perancangan aktiviti yang diletakkan dalam Gannt chart perlu dilaksanakan tanpa bertangguh. Elakkan kerja dan tugas last minutes

5) Usahakan untuk buat kawalan kejuruteraan dan ke atas untuk hazard yang ada ditempat kerja. Cuba yakinkan pihak pengurusan berkenaan kepentingan langkah kawalan yang berkesan. Pastikan ada data dan bukti yang pelaksanaan ini benar-benar memberi manfaat kepada organisasi.

Terima kasih kepada Unit Hygiene DOSH Selangor yang banyak memberikan tunjuk ajar dan khidmat nasihat. Program ini banyak membantu team kami untuk memperkukuhkan lagi ilmu pengurusan risiko.

Saya yakin industri yang lain dapat melaksanakannya dengan lebih cemerlang. Kitalah penentu perubahan pengurusan risiko di tempat kerja kita. Ayuh, sahut cabaran & never... never give up.